

Analisis Pengetahuan dan Amalan Tadabbur al-Quran dalam Kalangan Guru Tahfiz di Negeri Perak

(Analysis of Knowledge and Practices of Qur'anic Tadabbur among Tahfiz Teachers in the State of Perak)

Sakinah Binti Abdul Mokti

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,

Siti Arbaiyah Binti Mohd Saron

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,

Mohd Fuad Bin Mokhtar

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,

Nur Ahmad Wafiy Bin Noor Azri

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,

Siti Nurleha Binti Safie

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,

NoorHaslinda Binti Zainal Abidin

Jabatan Pengurusan, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,

Abstrak

Kajian ini meneliti tahap pengetahuan dan pengamalan guru tahfiz terhadap tadabbur al-Quran, suatu aspek penting yang sering diabaikan dalam pendidikan tahfiz. Isu yang menjadi latar belakang kajian ini ialah kurangnya kefahaman pelajar terhadap makna dan mesej ayat-ayat hafazan. Oleh itu, kajian ini memberi fokus untuk menilai sejauh mana guru tahfiz memahami konsep tadabbur serta mengamalkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan dengan instrumen soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Analisis statistik deskriptif digunakan bagi menentukan tahap pengetahuan dan pengamalan, manakala ujian-t bebas dan ANOVA sehala diaplikasikan untuk mengenal pasti perbezaan berdasarkan pemboleh ubah demografi tertentu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru tahfiz terhadap tadabbur al-Quran berada pada aras sangat tinggi (min = 4.40), manakala tahap pengamalan berada pada aras tinggi (min = 3.65). Ujian-t bebas mendapati tiada perbezaan signifikan dalam pengetahuan ($t = 0.496$, $p = 0.623$) dan pengamalan ($t = 1.460$, $p = 0.152$) tadabbur antara guru tahfiz di sekolah kerajaan dan swasta. Walau bagaimanapun, analisis ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam tahap pengetahuan berdasarkan tahap pendidikan guru ($F = 3.997$, $p = 0.008$), tetapi tiada perbezaan signifikan dalam aspek pengamalan ($F = 2.196$, $p = 0.088$). Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan mempengaruhi pengetahuan tadabbur, namun tidak memberi kesan signifikan terhadap pengamalannya. Kajian ini menegaskan kepentingan meningkatkan kefahaman dan pengamalan tadabbur dalam kalangan guru tahfiz sebagai asas kepada pembentukan pelajar yang bukan sahaja mahir dalam hafazan, tetapi juga mampu menghayati mesej al-Quran secara mendalam. Dapatan ini diharapkan dapat menjadi rujukan untuk penambahbaikan kurikulum dan latihan profesional guru tahfiz, sekali gus memperkukuh peranan institusi tahfiz dalam melahirkan generasi huffaz yang seimbang dari segi intelektual, rohani, dan akhlak.

Kata kunci: Guru Tahfiz; Tadabbur; Pendidikan Tahfiz; Pengetahuan Tahfiz

Abstract

This study examines the level of knowledge and practice of Qur'anic tadabbur among tahfiz teachers, an important dimension that is often overlooked in tahfiz education. The issue underlying this study is the limited understanding among students of the meanings and messages of the memorised Qur'anic verses. Accordingly, this study focuses on assessing the extent to which tahfiz teachers understand the concept of tadabbur and practise it within the teaching and learning process. This research adopts a quantitative approach using a survey design, with a questionnaire as the data collection instrument. Descriptive statistical analysis was employed to determine the levels of knowledge and practice, while independent-samples t-tests and one-way ANOVA were applied to identify differences based on selected demographic variables. The findings indicate that the level of tahfiz teachers' knowledge of

Article Progress

Received: 09 January 2026

Revised: 23 January 2026

Accepted: 09 February 2026

tadabbur is at a very high level, whereas their level of practice is at a good level. The independent-samples t-test reveals no significant differences in the knowledge and practice of tadabbur between tahfiz teachers serving in public and private institutions. However, the ANOVA results demonstrate a significant difference in the level of knowledge based on educational qualifications, while no significant difference is observed in the level of practice according to educational attainment. This study underscores the importance of enhancing both understanding and practice of tadabbur among tahfiz teachers as a foundation for nurturing students who are not only proficient in memorisation but are also able to deeply internalise and reflect upon the messages of the Qur'an. It is hoped that these findings will serve as a reference for curriculum enhancement and professional training of tahfiz teachers, thereby strengthening the role of tahfiz institutions in producing a generation of huffaz who are balanced intellectually, spiritually, and morally.

Keywords: Tahfiz Teachers; Tadabbur; Tahfiz Education; Tahfiz Knowledge

1. PENGENALAN

Al-Quran al-Karim merupakan kitab suci Islam yang menjadi sumber petunjuk tertinggi bagi umat manusia. Antara tujuan agung penurunannya ialah agar ia dibaca, dihafaz, didengarkan bacaannya, difahami maksudnya, serta ditadabbur secara mendalam sehingga dapat dihayati dalam seluruh aspek kehidupan seorang Muslim (al-Muṭayrī, 2016). Di Malaysia, tradisi membaca dan menghafaz al-Quran telah lama berakar dalam budaya masyarakat, malah terus diperkukuh oleh pihak kerajaan melalui penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Perkembangan pendidikan tahfiz turut diperkasa apabila kurikulum tahfiz diperkenalkan dalam sistem pendidikan arus perdana, termasuk di sekolah serta Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Secara rasmi, penubuhan institusi tahfiz bermula pada tahun 1966 dengan kewujudan Kelas Hafazan al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara (Murihah Abdullah et al., 2015). Inisiatif ini kemudiannya mencetuskan pelbagai program berskala besar sehingga melahirkan ribuan huffaz melalui institusi tahfiz yang berdaftar di seluruh negara.

Namun demikian, beberapa kajian lepas mendapati masih terdapat kelompok pelajar yang meskipun berjaya menghafaz al-Quran, tetapi kurang memahami dan tidak menekuni terhadap ayat-ayat yang telah dihafaz (Azmil Hasyim et al., 2018; Zakarian et al., 2019; NurAin Zainal et al., 2017). Kajian Abdul Mokti dan Sahad pula menegaskan wujudnya jurang antara persepsi dan pengetahuan pelajar yang tinggi tentang tadabbur al-Quran dengan tahap pengamalan sebenar yang masih rendah. Lebih membimbangkan, tiada silibus khusus berkaitan tadabbur al-Quran disediakan di kebanyakan institusi pengajian. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi meneliti secara mendalam berkaitan tahap pengetahuan serta amalan tadabbur al-Quran dalam kalangan guru tahfiz di Negeri Perak, sekali gus memberi sumbangan penting kepada wacana pendidikan al-Quran dan penghayatan tadabburnya dalam konteks kontemporari.

2. PENGERTIAN TADABBUR

2.1 Pengertian Tadabbur dari Aspek Bahasa

Dari perspektif etimologi, istilah tadabbur berasal daripada kata akar دَبَّرَ (*dabbara*) yang membawa maksud “mengikuti dari belakang” atau “memerhatikan kepada kesudahan sesuatu perkara”. Lafaz tadabbur (تَدَبَّرَ) merupakan bentuk *masdar* daripada kata kerja تَدَبَّرَ yang menggambarkan keadaan seseorang yang menumpukan fikiran secara mendalam terhadap sesuatu hingga melupakan perkara lain yang tidak berkaitan (al-‘Ayed et al., 1999). Ibn Fāris (1979) menjelaskan bahawa kalimah ini mengandungi maksud “penghujung” atau “kesudahan” sesuatu, yang secara semantik menjadi antonim kepada konsep “permulaan” atau “hadapan”. Dalam pada itu, istilah تَدَبَّرَ (*tadbīr*) merujuk kepada tindakan merancang urusan kehidupan dengan mempertimbangkan implikasi dan akibat yang bakal terhasil daripada setiap perancangan. Secara keseluruhan, tadabbur menurut bahasa dapat dirumuskan sebagai proses pemerhatian, penelitian dan renungan mendalam terhadap sesuatu perkara, bermula daripada

awal hingga akhir, dengan menekankan analisis terhadap kesan, natijah, serta hikmah yang lahir daripada tindakan, ucapan atau pemikiran tersebut.

2.2 Pengertian Tadabbur al-Quran menurut Ahli Tafsir

Definisi tadabbur telah diberikan oleh para mufassir dengan penekanan yang pelbagai namun saling melengkapi. Al-Nasafi (2005) menegaskan bahawa tadabbur merupakan usaha meneliti sesuatu perkara secara mendalam sehingga dapat difahami natijah dan kesudahannya. Al-Dahhāk (1999) pula merujuk tadabbur kepada proses pengamatan dan penelitian yang tekun terhadap ayat-ayat al-Quran. Fakhr al-Dīn al-Rāzī (1981) memperluas pengertian tersebut dengan menegaskan bahawa tadabbur berfungsi sebagai mekanisme intelektual untuk menyingkap makna-makna yang tersembunyi di sebalik teks.

Muqātil bin Sulaimān (2002) menambah dimensi reflektif apabila menyatakan bahawa tadabbur ialah renungan terhadap makna, penghayatan yang berterusan daripada permulaan hingga akhir sesuatu perkara, serta komitmen untuk mempraktikkannya. Al-Qurtubī (2006) pula melihat tadabbur sebagai proses berfikir secara mendalam mengenai ayat-ayat al-Quran beserta makna yang dikandunginya. Manakala al-Suyūṭī (2007) memberikan perincian praktikal, dengan menegaskan bahawa tadabbur mencakupi penghayatan terhadap perintah dan larangan Allah, serta kesediaan untuk melaksanakannya. Sekiranya seseorang lalai atau mengabaikan perintah tersebut, dia dianjurkan untuk beristighfar; sebaliknya, apabila membaca ayat-ayat yang menjanjikan rahmat, dia terdorong untuk berdoa dengan penuh harapan, dan apabila berhadapan dengan ayat-ayat azab, dia diliputi rasa takut lalu memohon perlindungan daripada Allah SWT.

Oleh itu, tadabbur al-Quran dapat difahami sebagai suatu proses komprehensif yang bukan sahaja berteraskan analisis intelektual terhadap makna zahir dan batin ayat-ayat al-Quran, tetapi juga pembentukan sikap rohaniah dan amalan praktikal dalam kehidupan seharian. Rumusan ini menegaskan bahawa penghayatan al-Quran tidak akan sempurna tanpa tadabbur, kerana ia merupakan jambatan antara bacaan dan pengamalan, serta medium untuk menjadikan al-Quran benar-benar berfungsi sebagai *hudan* (petunjuk) dalam seluruh dimensi kehidupan umat Islam.

2.3 Kepentingan Tadabbur

Kepentingan tadabbur al-Quran dapat dihuraikan melalui beberapa dimensi utama. Pertama, tadabbur merupakan antara matlamat agung penurunan al-Quran; Allah SWT menegaskannya dalam nas-nas tertentu serta mencela mereka yang mengabaikan amalan ini, menandakan bahawa pengabaian tadabbur termasuk perbuatan yang dimurkai-Nya. Kedua, tadabbur berfungsi sebagai jalan menuju kesempurnaan dan kemuliaan insan. Ibn al-Qayyim (1996) menegaskan bahawa kesempurnaan manusia bergantung pada ilmu yang bermanfaat serta amal soleh yang diamalkan; kedua-duanya merupakan petunjuk agama yang benar dan landasan kejayaan hakiki. Ketiga, tadabbur menjadi wasilah untuk mengenal Pencipta, yakni Allah SWT, melalui kefahaman yang sahih tentang nama-nama, sifat-sifat dan perbuatan-Nya yang agung. Keempat, terdapat peringatan tegas dan celaan keras terhadap golongan yang meninggalkan tadabbur serta tidak mengambil pelajaran daripada kandungan al-Quran, menggambarkan betapa pentingnya amalan ini dalam kehidupan seorang Muslim.

2.4 Hukum Tadabbur

Perbahasan ulama mengenai hukum tadabbur al-Quran memperlihatkan kepelbagaian pandangan, namun majoriti menekankan kewajibannya. Al-Qurtubī (2006) berpendapat bahawa tadabbur adalah wajib berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Muḥammad ayat 24: “*Maka adakah mereka tidak berusaha memahami dan memikirkan isi al-Quran? Atau adakah hati mereka terkunci?*” Ayat ini dengan jelas mengecam golongan yang tidak berusaha mendalami makna al-Quran. Seiring dengan itu, Ibn Ḥazm (1987) juga menegaskan bahawa tadabbur

merupakan kewajiban yang dipertanggungjawabkan ke atas setiap pembaca al-Quran. Al-Syanqīfī (2005) pula menegaskan bahawa kewajiban tersebut meliputi proses mentadabbur wahyu, memahami, mempelajari serta mengamalkan isi kandungannya berlandaskan petunjuk al-Quran dan al-Sunnah, sekali gus menjadi tanggungjawab asas setiap Muslim. Pandangan serupa dikemukakan oleh al-Syaukānī (2007) yang menegaskan bahawa Surah Muḥammad ayat 24 menunjukkan kewajiban jelas untuk mentadabbur dan mengambil pengajaran daripada al-Quran. Sementara itu, Ruqaiyyah Ṭahā (2008) menegaskan bahawa meskipun tadabbur adalah kewajiban syar'ie bagi setiap Muslim, pelaksanaannya tertakluk kepada kemampuan akal dan tahap kefahaman individu terhadap ayat-ayat al-Quran. Namun demikian, beliau menegaskan bahawa tiada alasan bagi seseorang untuk meninggalkan amalan ini secara keseluruhan.

Secara keseluruhan, majoriti ulama menegaskan bahawa tadabbur al-Quran merupakan satu kewajiban syar'ie yang dipertanggungjawabkan ke atas setiap Muslim. Ia bukan sahaja dituntut melalui nas al-Quran yang mengecam mereka yang lalai daripada memahaminya, malah diperincikan sebagai kewajiban yang merangkumi proses memahami, menghayati serta mengamalkan isi kandungan wahyu. Walaupun tahap pelaksanaannya berbeza mengikut kemampuan individu, meninggalkan tadabbur secara total tetap dianggap suatu kecuaihan yang tercela.

2.5 Syarat Tadabbur

Antara syarat utama bagi pelaksanaan tadabbur al-Quran ialah pertama, memiliki hati yang hidup dan terbuka untuk menerima petunjuk Ilahi. Tadabbur tidak dapat dilaksanakan secara berkesan melainkan dengan hati yang bersih daripada noda maksiat serta bebas daripada belenggu kelalaian. Hati yang suci inilah yang menjadi wadah subur bagi lahirnya kefahaman yang mendalam serta penghayatan yang tulus terhadap kalam Allah SWT. Syarat kedua berkaitan rapat dengan sikap mukallaf ketika berinteraksi dengan al-Quran, sama ada dalam bentuk bacaan mahupun pendengaran. Al-Quran menekankan kewajiban untuk mendengar bacaan dengan penuh perhatian, sebagaimana firman Allah SWT: *“Dan apabila al-Quran dibacakan, maka dengarlah ia dengan saksama serta berdiam dirilah, agar kamu beroleh rahmat.”* (al-A'rāf, 7:204). Ayat ini menunjukkan bahawa sikap mendengar dengan penuh kesungguhan dan konsentrasi merupakan asas penting dalam proses tadabbur. Perintah ini bersifat umum, mencakupi semua yang mendengar al-Quran, agar mereka memberi tumpuan penuh dan berdiam diri sebagai tanda penghayatan terhadap bacaan wahyu (al-Tuwaijirī, 1436; al-Sabt, 1437).

2.6 Adab Tadabbur

Antara adab utama yang perlu dipelihara dalam proses tadabbur al-Quran ialah pertama, menetapkan niat yang tulus dan ikhlas. Setiap individu yang melaksanakan tadabbur hendaklah melakukannya dengan sepenuh ketakwaannya, sama ada secara zahir mahupun batin, semata-mata bagi meraih kerediaan Allah SWT. Kedua, membudayakan sifat sabar dengan melaksanakan tadabbur secara berperingkat dan berterusan. Pelaksanaan yang perlahan tetapi konsisten lebih mendalam kesannya terhadap hati serta kefahaman. Ketiga, memperelok akhlak diri dengan nilai-nilai luhur yang diwahyukan oleh al-Quran, kerana kitab ini sendiri merupakan sumber adab dan pedoman akhlak yang tinggi. Keempat, memilih masa serta suasana yang sesuai, seperti waktu malam ketika mendirikan ibadah sunat, atau saat solat dengan penghayatan penuh terhadap makna bacaan. Keadaan sedemikian lebih berupaya melembutkan hati dan mendekatkannya kepada Allah SWT. Kelima, memelihara adab khusus terhadap al-Quran sebelum, semasa, dan selepas membaca, termasuk adab hati, lisan dan anggota. Keseluruhan proses tadabbur ini hendaklah dilaksanakan dengan penuh rasa hormat, penghayatan dan penghormatan yang selayaknya (al-Tuwaijirī, 1436H).

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Pendidikan tahfiz al-Quran pada masa kini tidak lagi dinilai semata-mata berdasarkan keupayaan pelajar menghafaz teks al-Quran, sebaliknya turut dituntut untuk melahirkan generasi huffaz yang memahami, menghayati serta mengaplikasikan mesej al-Quran dalam kehidupan. Namun demikian, realiti semasa menunjukkan wujudnya jurang yang ketara antara aspirasi tersebut dengan amalan sebenar dalam konteks pendidikan tahfiz. Beberapa kajian terdahulu melaporkan bahawa para pelajar tahfiz memiliki persepsi dan tahap pengetahuan yang sangat baik terhadap konsep tadabbur al-Quran, namun tahap pelaksanaannya dalam pembelajaran masih tidak selari dengan persepsi dan pengetahuan tersebut (Abdul Mokti & Sahad, 2024). Dapatan ini menggambarkan bahawa kefahaman secara konseptual belum semestinya diterjemahkan dalam bentuk pengamalan yang konsisten dan berkesan. Seiring dengan itu, elemen kefahaman dan penghayatan makna al-Quran melalui tadabbur didapati masih kurang diberikan penekanan yang sewajarnya dalam sistem pembelajaran tahfiz. Hal ini dibuktikan melalui pelbagai kajian yang menegaskan bahawa pembelajaran tahfiz lebih menumpukan aspek hafazan berbanding pemahaman mendalam terhadap ayat-ayat yang dihafaz (Nurain et al., 2017; Zakaria et al., 2019; Hakim et al., 2021; Mothar Rijan et al., 2024). Kekurangan penekanan terhadap aspek tadabbur ini berpotensi menjejaskan matlamat sebenar pendidikan al-Quran yang menuntut keseimbangan antara hafazan, kefahaman dan penghayatan.

Dalam konteks sosial pula, persepsi masyarakat terhadap pelajar tahfiz umumnya sangat tinggi, khususnya tanggapan bahawa golongan ini menguasai pelbagai aspek kemahiran berkaitan al-Quran, termasuk kefahaman dan penghayatan maknanya (Hakim et al., 2021). Namun, persepsi ideal ini tidak sepenuhnya sejajar dengan realiti dapatan empirikal. Kajian lepas mendapati masih terdapat sebahagian pelajar tahfiz yang, walaupun berjaya menghafaz al-Quran, namun kurang memahami serta tidak menekuni maksud ayat-ayat yang telah dihafaz (Aznil Hasyim et al., 2018; Zakaria et al., 2019; NurAin Zainal et al., 2017). Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap keberkesanan model pendidikan tahfiz sedia ada dalam membentuk huffaz yang benar-benar berinteraksi dengan al-Quran secara menyeluruh. Lebih membimbangkan, kajian Abdul Mokti dan Sahad (2024) turut menegaskan wujudnya jurang yang signifikan antara persepsi dan pengetahuan pelajar yang tinggi terhadap tadabbur al-Quran dengan tahap pengamalan sebenar yang masih rendah. Keadaan ini diburukkan lagi dengan ketiadaan silibus khusus berkaitan tadabbur al-Quran di kebanyakan institusi pengajian tahfiz, sekali gus menyebabkan amalan tadabbur dilaksanakan secara tidak sistematik dan bergantung sepenuhnya kepada inisiatif individu guru.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan bagi meneliti secara mendalam tahap pengetahuan dan amalan tadabbur al-Quran dalam kalangan guru tahfiz di Negeri Perak. Penelitian terhadap peranan guru sebagai agen utama pelaksanaan tadabbur amat signifikan, memandangkan kefahaman dan amalan guru berpotensi besar mempengaruhi pendekatan pengajaran serta pembentukan kefahaman pelajar. Justeru, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan wacana pendidikan al-Quran, khususnya dalam aspek penghayatan tadabbur al-Quran serta menjadi asas kepada penambahbaikan kurikulum dan latihan profesional guru tahfiz dalam konteks pendidikan tahfiz kontemporari.

3. OBJEKTIF

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang dinyatakan di atas, kajian ini dilaksanakan untuk mencapai dua objektif utama iaitu:

- i. Menilai tahap kefahaman guru tahfiz terhadap konsep tadabbur al-Quran
- ii. Menganalisis sejauh mana konsep tersebut diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

4. METODOLOGI

4.1 Kaedah Pengumpulan Data dan Instrumen Kajian

Bagi merealisasikan objektif kajian ini, penyelidik mengaplikasikan pendekatan kuantitatif. Data kajian dikumpulkan melalui melalui edaran borang soal selidik yang merupakan instrumen utama kajian ini. Manakala responden kajian terdiri daripada guru-guru tahfiz swasta dan kerajaan. Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian: Bahagian A (Demografi Responden), Bahagian B (Tahap pengetahuan tadabbur al-Quran), dan Bahagian C (Amalan tadabbur dalam pembacaan al-Quran). Item-item soal selidik dibina, disemak, serta disahkan oleh pakar bidang bagi menjamin kesahan isi. Satu kajian rintis turut dilaksanakan terhadap 30 orang responden awal dan memperoleh nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach's Alpha sebanyak 0.919. Berdasarkan Borg & Gall (1979), nilai pekali $\alpha \geq 0.70$ dianggap stabil dan boleh diterima. Kajian ini menggunakan bentuk persampelan tujuan (purposive sampling), pemilihan ini dibuat berdasarkan kriteria (guru tahfiz yang bertugas di institusi yang berdaftar dengan PEMATAP). Seterusnya penyelidik telah mengedarkan soalan soal selidik ini kepada responden kajian yang terdiri daripada 43 orang guru tahfiz daripada beberapa sekolah tahfiz swasta dan Kerajaan Negeri sebagaimana yang dicadangkan oleh Persatuan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Perak (PEMATAP). Pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan cadangan PEMATAP dengan melihat kepada aliran yang disediakan di sekolah Tahfiz terlibat.

4.2 Analisis Data

Dapatan yang diperoleh daripada soal selidik berbentuk data kuantitatif dianalisis berdasarkan pilihan jawapan responden. Instrumen menggunakan skala Likert lima mata iaitu: Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Kurang Setuju (3), Setuju (4), dan Sangat Setuju (5). Data tersebut dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26. Analisis yang dijalankan meliputi kekerapan, peratusan, nilai min, *Independent Sample T-Test*, dan *One-Way ANOVA*. Bagi mentafsirkan keputusan kajian, penyelidik menggunakan jadual interpretasi min sebagaimana yang dicadangkan oleh Cohen & Holliday (1982).

Jadual 1: Jadual Nilai Min

Skor Min	Tahap
1.00- 2.00	Lemah
2.01 – 3.00	Memuaskan
3.01 – 4.00	Baik
4.01 -5.00	Sangat Baik

Sumber: Cohen, L., & Holliday, M. 1982

5. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada empat iaitu (i) Data demografi, (ii) Pengetahuan tadabbur al-Quran dalam kalangan guru tahfiz, (iii) Pengamalan tadabbur dalam pembacaan al-Quran, dan (iv) Perbezaan Pengetahuan tadabbur al-Quran dan pengamalan tadabbur dalam pembacaan al-Quran berdasarkan tahap pendidikan guru tahfiz dan (v) Perbezaan Pengetahuan tadabbur al-Quran dan pengamalan tadabbur dalam pembacaan al-Quran berdasarkan status sekolah tahfiz.

5.1 Data Demografi

Dalam bahagian ini, data dihuraikan melalui statistik deskriptif, di mana bacaan jantina responden sebagaimana berikut:

Jadual 2: Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	24	56%
Perempuan	19	44%.
Jumlah	43	100

Analisis demografi berdasarkan jantina menunjukkan bahawa daripada keseluruhan 43 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 24 orang (56%) merupakan responden lelaki, manakala selebihnya, iaitu 19 orang (44%), terdiri daripada responden perempuan. Perbezaan ini menunjukkan bahawa bilangan responden lelaki adalah sedikit lebih tinggi berbanding responden perempuan. Walau bagaimanapun, jurang perbezaan tersebut tidak terlalu ketara dan masih mencerminkan suatu agihan yang seimbang dari segi jantina. Agihan ini penting dalam memastikan representasi pandangan yang pelbagai dan seimbang antara kedua-dua jantina terhadap isu yang dikaji. Justeru, data ini memberikan asas yang kukuh untuk membuat interpretasi yang lebih menyeluruh dalam peringkat analisis seterusnya.

Jadual 3: Tahap Pendidikan Guru Tahfiz

Tahap Pendidikan Guru Tahfiz	Kekerapan	Peratusan%
Shahadah	7	16.3
SPM	9	20.9
Diploma	11	25.6
Ijazah Sarjana Muda	15	34.9
Ijazah Sarjana	1	2.3
Jumlah	43	100

Berdasarkan jadual, majoriti guru tahfiz mempunyai Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 15 orang (34.9%). Ini menunjukkan bahawa kumpulan terbesar tenaga pengajar di institusi tahfiz mempunyai kelayakan akademik yang tinggi di peringkat ijazah. Kedua tertinggi ialah mereka yang berkelulusan Diploma seramai 11 orang (25.6%), diikuti oleh SPM seramai 9 orang (20.9%). Sementara itu, terdapat 7 orang guru tahfiz (16.3%) yang hanya berkelulusan Shahadah atau setaraf sijil asas

pengajian Islam, manakala hanya seorang guru (2.3%) yang memiliki kelayakan tertinggi di peringkat Ijazah Sarjana.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa sebahagian besar guru tahfiz mempunyai latar belakang pendidikan formal yang kukuh (60.5% pada tahap Diploma dan Ijazah Sarjana Muda), namun masih terdapat kelompok signifikan yang hanya memiliki kelayakan menengah (SPM dan Shahadah sebanyak 37.2%). Keadaan ini menggambarkan kepelbagaian tahap pendidikan dalam kalangan guru tahfiz, yang boleh mempengaruhi pendekatan pedagogi, tahap profesionalisme, serta keberkesanan pelaksanaan tadabbur al-Quran di institusi tahfiz.

Jadual 4: Status Sekolah

Status Sekolah Tahfiz	Kekerapan	Peratusan%
Kerajaan	8	18.6
Swasta	35	81.4
Jumlah	43	100

Berdasarkan analisis terhadap 43 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, didapati bahawa majoriti responden iaitu seramai 35 orang (81.4%) berkhidmat di institusi tahfiz swasta, manakala hanya 8 orang responden (18.6%) bertugas di institusi tahfiz kerajaan. Agihan ini memperlihatkan bahawa sebahagian besar maklum balas kajian diperoleh daripada tenaga pengajar atau pentadbir yang berkhidmat di institusi swasta. Keadaan ini mencerminkan realiti bahawa sektor swasta memainkan peranan dominan dalam landskap pendidikan tahfiz di negeri ini.

5.2 Pengetahuan Guru Terhadap Tadabbur Al-Quran

Jadual 5: Analisis Pengetahuan Tadabbur Guru Tahfiz

Item Soalan	ST	TS	KS	S	SS	Nilai Min	Sisihan Piawai
	S 1	2	3	4	5		
	<i>f</i> %	<i>f</i> %	<i>f</i> %	<i>f</i> %	<i>f</i> %		
Tadabbur al-Quran itu bermaksud satu aktiviti memahami, merenungi, mengamati, memikirkan secara mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran, serta makna yang ada di sebalik ayat tersebut seterusnya beramal dengan tuntutan ayat al-Quran	-	-	3	11	29	4.60	.623
	-	-	7	25.6	67.4		
Amalan tadabbur dan memahami makna ayat al-Quran merupakan tuntutan agama.	-	-	2	17	24	4.51	.592
	-	-	4.7	39.5	55.8		
Tadabbur (memahami dan mengamalkan perintah al-Quran) merupakan tujuan al-Quran diturunkan.	-	-	1	17	25	4.56	.548
	-	-	2.3	39.5	58.1		
Tadabbur merupakan satu kewajipan yang disyariatkan ke atas setiap individu muslim.	-	1	6	20	16	4.19	.764
	-	2.3	14	46.5	37.2		
Perkara asas dalam proses tadabbur ialah dilakukan dengan ikhlas dengan cara membersihkan hati.	-	-	1	24	18	4.40	.541
	-	-	2.3	55.8	41.9		
Antara syarat tadabbur ialah individu itu mesti mempunyai keazaman dan niat yang jelas untuk memahami seterusnya beramal dengan tuntutan ayat-ayat al-Quran.	-	-	3	19	21	4.42	.626
	-	-	7	44.2	48.8		
Saya tahu antara adab umum tadabbur dan memahami ayat al-Quran ialah sabar dalam melakukan tadabbur secara sedikit demi sedikit.	-	-	3	23	17	4.33	.606
	-	-	7	53.5	39.5		
Saya tahu antara adab umum tadabbur ialah istiqamah dalam melakukannya.	-	-	2	21	20	4.42	.587
	-	-	4.7	48.8	46.5		

Saya tahu antara adab umum tadabbur dan memahami ayat al-Quran ialah menghiasi diri dengan akhlak yang mulia sebagaimana disarankan al-Quran.	-	-	1	21	21	4.47	.550
	-	-	2.3	48.8	48.8		
PURATA NILAI MIN							4.4

Berdasarkan jadual di atas, dapatan menunjukkan bahawa keseluruhan tahap pengetahuan adalah sangat tinggi, dengan purata nilai min keseluruhan adalah 4.40 dan sisihan piawai yang rendah, menandakan keseragaman pemahaman dalam kalangan responden. Item yang merekodkan nilai min tertinggi ialah 4.60 (SP = 0.623) iaitu pada pernyataan "*Tadabbur al-Quran itu bermaksud satu aktiviti memahami, merenungi, mengamati, memikirkan secara mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran, serta makna yang ada di sebalik ayat tersebut seterusnya beramal dengan tuntutan ayat al-Quran*", hampir 93% responden bersetuju atau sangat bersetuju, menunjukkan kefahaman yang jelas terhadap definisi asas *tadabbur*. Pernyataan "*Tadabbur merupakan tujuan al-Quran diturunkan*" dan "*Amalan tadabbur dan memahami makna ayat al-Quran merupakan tuntutan agama*" turut mencatatkan nilai min yang tinggi, iaitu masing-masing 4.56 dan 4.51, dengan sisihan piawai di bawah 0.6, membuktikan bahawa guru tahfiz menyedari hubungan rapat antara *tadabbur* dan matlamat wahyu. Pernyataan yang mencatat nilai min terendah ialah 4.19 (SP = 0.764), iaitu "*Tadabbur merupakan satu kewajipan yang disyariatkan ke atas setiap individu muslim.*" Walaupun masih berada dalam kategori tinggi, nilai ini menunjukkan sedikit keraguan dalam kalangan sebahagian responden terhadap status hukum *tadabbur*, mungkin disebabkan oleh perbezaan fahaman fiqh atau kurang pendedahan terhadap dalil yang menyokong kewajibannya secara individu. Dalam aspek adab dan syarat *tadabbur*, responden menunjukkan tahap pengetahuan yang konsisten dan tinggi. Sebagai contoh, pernyataan berkaitan keazaman, niat, sabar, istiqamah, serta akhlak mulia mencatat nilai min antara 4.33 hingga 4.47, dengan sisihan piawai rendah, membuktikan bahawa guru memahami aspek spiritual dan praktikal dalam mengamalkan *tadabbur*. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru tahfiz mempunyai tahap pengetahuan yang sangat tinggi terhadap konsep, tujuan, tuntutan agama, serta syarat dan adab dalam melaksanakan *tadabbur* al-Quran. Ini dibuktikan melalui purata nilai min 4.40, yang tergolong dalam kategori "Sangat Tinggi". Manakala nilai sisihan piawai yang rendah (rata-rata bawah 0.7) menunjukkan bahawa pemahaman tersebut adalah seragam dan konsisten dalam kalangan responden. Pengetahuan yang tinggi ini menunjukkan kesediaan guru tahfiz untuk mengintegrasikan *tadabbur* dalam pendekatan pengajaran, seterusnya menyumbang kepada pembentukan akhlak dan kefahaman mendalam dalam kalangan pelajar huffaz.

5.3 Pengamalan Tadabbur dalam Pembacaan al-Quran dalam Kalangan Guru Tahfiz

Jadual 6: Analisis Pengamalan *Tadabbur* Guru Tahfiz

Item Soalan	TP	J	KK	S	SS	Nilai Min	Sisihan Piawai
	1	2	3	4	5		
	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>		
	%	%	%	%	%		
Saya mentadabbur dan memahami ayat al-Quran setiap kali saya melakukan hafazan.	1	5	12	19	6	3.56	.959
	2.3	11.6	27.9	44.2	14.0		
Saya mentadabbur dan memahami ayat-ayat nikmat dengan berdoa supaya dikurniakan nikmat tersebut.	-	5	11	22	5	3.63	.846
	-	11.6	25.6	51.2	11.6		
Saya mentadabbur dan memahami ayat-ayat azab dengan berdoa supaya dijauhi daripada azab tersebut.	-	3	8	22	10	3.91	.840
	-	7.0	18.6	51.2	23.3		
	1		13	25	4	3.72	.734

Saya merancang sesi pembelajaran dengan memasukkan <i>tadabbur</i> dan memahami al-Quran bagi memudahkan pelajar memahami hafazan mereka.	2.3	30.2	58.1	9.3		
Saya menerapkan konsep <i>tadabbur</i> dan memahami al-Quran dalam pengajaran	1 2.3	6 14.0	14 32.6	19 44.2	3 7.0	3.40 .903
Saya menggalakkan pelajar Tahfiz untuk meluangkan masa melakukan <i>tadabbur</i> dan memahami makna ayat al-Quran setiap hari.	1 2.3	3 7.0	12 27.9	19 44.2	8 18.6	3.70 .939
PURATA NILAI MIN				3.65		

Dapatan kajian dalam jadual mendapati analisis terhadap pengamalan guru tahfiz dalam melaksanakan *tadabbur* al-Quran melibatkan enam item utama. Hasil dapatan menunjukkan bahawa secara keseluruhan, tahap pengamalan guru tahfiz adalah tinggi, dengan purata min keseluruhan ialah 3.65, manakala nilai sisihan piawai berada dalam lingkungan sederhana hingga rendah, menunjukkan tahap keseragaman yang agak baik dalam kalangan responden. Item tertinggi nilai min adalah “*Saya mentadabbur dan memahami ayat-ayat azab dengan berdoa supaya dijauhi daripada azab tersebut*” mencatat min = 3.91 dan sisihan piawai = 0.840, menunjukkan bahawa guru cenderung mengaitkan *tadabbur* ayat azab dengan aplikasi praktikal dalam bentuk doa dan refleksi diri. Seramai 74.5% guru memilih skala setuju atau sangat setuju. Item kedua tertinggi adalah: “*Saya merancang sesi pembelajaran dengan memasukkan tadabbur dan memahami al-Quran bagi memudahkan pelajar memahami hafazan mereka.*” yang memperoleh min = 3.72 (SP = 0.734). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar guru telah mula mengintegrasikan unsur *tadabbur* dalam pendekatan pedagogi mereka, selari dengan keperluan pemahaman kontekstual hafazan. Diikuti rapat oleh pernyataan “*Saya menggalakkan pelajar Tahfiz untuk meluangkan masa melakukan tadabbur dan memahami makna ayat al-Quran setiap hari*” dengan min = 3.70 dan sisihan piawai = 0.939, menandakan tahap penggalakan guru adalah positif, walaupun masih terdapat ruang untuk peningkatan dari segi konsistensi dan sistem sokongan. Item dengan nilai min terendah ialah 3.40 (SP = 0.903) “*Saya menerapkan konsep tadabbur dan memahami al-Quran dalam pengajaran*”, menunjukkan kebarangkalian bahawa walaupun guru menyedari kepentingan *tadabbur*, pelaksanaan secara langsung dalam sesi pengajaran masih belum menyeluruh, kemungkinan disebabkan kekangan masa, kekurangan modul, atau beban sukatan pelajaran hafazan. Dalam aspek pengamalan peribadi guru, item seperti “*Saya mentadabbur dan memahami ayat al-Quran setiap kali saya melakukan hafazan*” dan “*Saya mentadabbur dan memahami ayat-ayat nikmat dengan berdoa supaya dikurniakan nikmat tersebut*” masing-masing mencatat min = 3.56 dan 3.63, mencerminkan amalan *tadabbur* dalam konteks hafazan individu berada pada tahap sederhana tinggi dan boleh ditingkatkan lagi secara konsisten.

Nilai sisihan piawai bagi semua item berada antara 0.734 hingga 0.959, menunjukkan variasi sederhana dalam jawapan responden. Ini menandakan wujud perbezaan amalan dalam kalangan guru tahfiz, berkemungkinan berpunca daripada perbezaan latar belakang pengajian atau latihan formal dalam bidang *tadabbur*, tahap kefahaman terhadap pendekatan pengajaran berbentuk integratif antara hafazan dan *tadabbur* dan ketiadaan panduan khusus atau modul piawai berkaitan *tadabbur* dalam silibus rasmi. Secara keseluruhan, tahap pengamalan guru tahfiz terhadap *tadabbur* berada pada kategori tinggi (min = 3.65). Walaupun kebanyakan guru menunjukkan kecenderungan positif untuk mengamalkan *tadabbur* dalam pengajaran dan amalan peribadi, terdapat ruang untuk penambahbaikan, khususnya dalam aspek pelaksanaan secara sistematik dalam bilik darjah. Penemuan ini menyarankan keperluan kepada latihan profesional, sokongan kurikulum, serta

pembangunan modul tadabbur yang praktikal dan sesuai dengan konteks tahfiz, agar proses hafazan disokong oleh pemahaman yang mendalam serta penghayatan makna ayat-ayat suci al-Quran.

5.4 Analisis Perbezaan Pengetahuan Tadabbur al-Quran dan Pengamalan Tadabbur dalam Pembacaan al-Quran berdasarkan Status Sekolah Kerajaan atau Swasta

Jadual 7: Analisis berdasarkan Status Sekolah Kerajaan atau Swasta

Pemboleh ubah	Andaian varians	F	Sig	t	Sig. (2-tailed)	Mean Difference
Tahap pengetahuan tadabbur al-Quran	Equal variances assumed	.649	.425	.496	.623	.10119
	Equal variances not assumed			.555	.589	.10119
Pengamalan Tadabbur	Equal variances assumed	.060	.808	1.460	.152	.37738
	Equal variances not assumed			1.359	.205	.37738

Analisis ujian-t dilaksanakan untuk menilai sama ada wujud perbezaan yang signifikan dari segi pengetahuan dan pengamalan tadabbur al-Quran antara guru tahfiz berdasarkan status sekolah sama ada kerajaan atau swasta. Analisis ujian-t bebas menunjukkan hasil yang berbeza bagi setiap konstruk yang diuji. Pertama, bagi tahap pengetahuan tadabbur al-Quran, keputusan juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dengan nilai $t = 0.496$, $p = 0.623$ ($p > 0.05$). Perbezaan min yang kecil (0.10119) menunjukkan bahawa guru di sekolah kerajaan dan swasta berada pada tahap pengetahuan tadabbur yang hampir sama. Keputusan ini menunjukkan bahawa status sekolah tidak menjadi faktor dominan dalam menentukan tahap pengetahuan tadabbur, sebaliknya tahap pengetahuan mungkin lebih bergantung kepada latar belakang pendidikan individu dan pengalaman peribadi guru.

Kedua, dari sudut pengamalan tadabbur al-Quran dalam pembacaan, analisis juga mendapati tiada perbezaan yang signifikan dengan nilai $t = 1.460$, $p = 0.152$ ($p > 0.05$). Perbezaan min (0.37738) masih berada pada tahap yang tidak ketara. Hal ini bermakna guru di sekolah kerajaan dan swasta mempunyai tahap pengamalan tadabbur yang hampir setara. Faktor budaya institusi, rutin sekolah, serta kesedaran peribadi dilihat lebih dominan dalam mempengaruhi pengamalan tadabbur berbanding faktor status sekolah. Secara keseluruhannya, analisis ini mendapati bahawa tiada perbezaan signifikan dari segi persepsi, pengetahuan, dan pengamalan tadabbur al-Quran berdasarkan status sekolah kerajaan atau swasta. Keputusan ini menunjukkan bahawa faktor status institusi bukanlah penentu utama dalam membentuk sikap dan amalan guru terhadap tadabbur al-Quran. Pengkaji merumuskan bahawa keseragaman ini boleh dijelaskan oleh hakikat bahawa kedua-dua jenis sekolah, sama ada kerajaan atau swasta, berkongsi matlamat asas yang sama dalam pendidikan tahfiz, iaitu menekankan hafazan al-Quran, penghayatan agama, serta membentuk akhlak pelajar. Justeru, pengaruh status institusi tidak banyak membezakan tahap tadabbur dalam kalangan guru. Walau bagaimanapun, dapatan ini juga memberi isyarat bahawa peningkatan kualiti tadabbur dalam pendidikan tahfiz tidak boleh hanya bergantung pada status sekolah, tetapi perlu digerakkan melalui latihan guru, pembangunan modul tadabbur berstruktur, dan penekanan sistematik dalam silibus. Usaha sebegini akan memastikan semua guru, tanpa mengira sekolah kerajaan atau swasta, mempunyai tahap pengetahuan dan pengamalan tadabbur yang lebih konsisten dan berkualiti.

5.5 Analisis Perbezaan Pengetahuan dan Pengamalan *Tadabbur* al-Quran berdasarkan Tahap Pendidikan Guru Tahfiz

Jadual 8: Analisis Berdasarkan Tahap Pendidikan Guru Tahfiz

Pemboleh Ubah	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Persepsi Guru terhadap <i>Tadabbur</i> al-Quran	1.446	4	.362	1.701	.170
Tahap Pengetahuan <i>Tadabbur</i> al-Quran	3.314	4	.828	3.997	.008
Pengamalan <i>Tadabbur</i> al-Quran	3.524	4	.881	2.196	.088

Berdasarkan analisis ANOVA sehala, kajian ini menilai perbezaan tahap pengetahuan dan pengamalan *tadabbur* al-Quran dalam kalangan guru tahfiz mengikut tahap pendidikan mereka. Pertama, bagi aspek tahap pengetahuan *tadabbur* al-Quran, analisis menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan nilai $F = 3.997$, $p = 0.008$ ($p < 0.05$). Keputusan ini menandakan bahawa tahap pendidikan guru tahfiz memainkan peranan penting dalam membezakan aras pengetahuan mereka tentang *tadabbur*. Guru dengan tahap pendidikan yang lebih tinggi, khususnya mer *tadabbur* eka yang terdedah kepada pengajian tafsir dan kajian akademik Islam di peringkat universiti, didapati memiliki pengetahuan yang lebih mendalam berbanding guru yang hanya menamatkan pengajian di peringkat sekolah tahfiz menengah. Dapatan ini selari dengan pandangan bahawa struktur pendidikan formal di peringkat lebih tinggi membekalkan asas teori, metodologi tafsir dan pendekatan kontemporari dalam *tadabbur* yang tidak semestinya diperoleh melalui pendidikan hafazan semata-mata. Kedua, dari aspek pengamalan *tadabbur* al-Quran, keputusan menunjukkan nilai $F = 2.196$ dengan $p = 0.088$ ($p > 0.05$). Hal ini bermaksud tiada perbezaan signifikan yang dapat dikesan antara kumpulan guru tahfiz mengikut tahap pendidikan mereka. Keputusan ini memberi isyarat bahawa walaupun tahap pendidikan membezakan pengetahuan, faktor tersebut tidak semestinya mempengaruhi tahap pengamalan. Pengamalan *tadabbur* lebih bersifat amali, bergantung kepada kesedaran individu, budaya institusi, serta rutin peribadi guru, berbanding kelayakan akademik yang dimiliki. Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan tidak memberi kesan yang signifikan terhadap persepsi dan pengamalan *tadabbur*, tetapi memberi kesan yang ketara terhadap pengetahuan *tadabbur* al-Quran. Keputusan ini memperlihatkan jurang yang jelas antara pengetahuan konseptual dan penghayatan praktikal. Guru dengan tahap pendidikan tinggi mempunyai akses kepada ilmu teori yang lebih luas, namun dari sudut pengamalan, tahap pendidikan bukanlah faktor penentu utama.

Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa pembangunan profesional guru tahfiz perlu menekankan bukan sahaja aspek ilmu pengetahuan *tadabbur* dalam bentuk kursus akademik, tetapi juga aspek praktikal dan rohaniah yang dapat membentuk budaya pengamalan *tadabbur* secara konsisten. Kesedaran ini penting agar pengetahuan yang diperoleh di peringkat akademik tinggi dapat diterjemahkan dalam bentuk amalan pengajaran, sekaligus memberi kesan lebih besar kepada pelajar.

6. KESIMPULAN

Kurikulum hafazan al-Quran yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan Malaysia, sama ada di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi telah tersusun secara sistematik dan wajar diteruskan demi menjamin kelangsungan generasi huffaz pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, usaha penambahbaikan perlu dilakukan bagi melahirkan penghafaz al-Quran yang berkualiti dari segi bacaan, kekuatan hafazan serta pengamalan berasaskan al-Quran dalam kehidupan seharian. Secara keseluruhan, objektif kajian ini telah dicapai apabila dapatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru tahfiz terhadap konsep, tujuan, tuntutan syarak, serta syarat dan adab *tadabbur* berada pada tahap yang sangat baik serta konsisten. Hal ini membuktikan kesediaan mereka untuk mengintegrasikan amalan *tadabbur* dalam proses pengajaran, sekali gus memperkukuh aspek

pembinaan sahsiah dan kefahaman mendalam dalam kalangan pelajar huffaz. Dari sudut praktikal, pengamalan tadabbur oleh guru tahfiz didapati berada pada tahap yang baik, namun masih memerlukan pengukuhan khususnya dari aspek pelaksanaan yang lebih sistematik di dalam bilik darjah. Justeru, kajian ini mencadangkan supaya sokongan melalui kurikulum, modul praktikal, serta latihan profesional amat diperlukan agar pelaksanaan tadabbur dapat dijalankan secara menyeluruh dan konsisten. Dapatan turut menunjukkan bahawa tahap pendidikan formal guru tahfiz mempunyai pengaruh terhadap tahap pengetahuan mereka mengenai tadabbur, namun tidak menimbulkan perbezaan yang signifikan dari sudut pengamalan. Keadaan ini memperlihatkan wujudnya jurang antara pengetahuan konseptual dengan penghayatan praktikal, sekali gus menegaskan keperluan pembangunan profesionalisme guru yang berasaskan integrasi teori dan amali tadabbur secara seimbang.

Berdasarkan keseluruhan dapatan, pengkaji merumuskan bahawa asas kesedaran dan pengetahuan tadabbur al-Quran dalam kalangan guru tahfiz adalah tinggi, namun pengamalan masih belum sepenuhnya sistematik dan konsisten. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan modul tadabbur berstruktur yang boleh diguna pakai dalam silibus pendidikan tahfiz, menyediakan latihan profesionalisme guru yang menekankan aspek teori dan praktikal tadabbur, dan membudayakan tadabbur sebagai teras pendidikan tahfiz yang seimbang antara hafazan, kefahaman dan penghayatan al-Quran. Rumusan ini sekaligus memberi sumbangan penting kepada bidang pendidikan tahfiz, kerana ia bukan sahaja menekankan kepentingan hafazan tetapi juga penghayatan makna al-Quran, sejajar dengan tuntutan rohani, intelektual dan pedagogi Islam yang holistik.

7. PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) atas sokongan dana melalui Dana Khas Penyelidikan Universiti (DKPU) yang telah memungkinkan kajian ini dilaksanakan dengan jayanya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada para guru sekolah-sekolah tahfiz kerajaan dan swasta yang telah memberikan kerjasama serta komitmen sepanjang proses pengumpulan data. Sumbangan dan keterlibatan semua pihak amatlah dihargai dalam memastikan kejayaan penyelidikan ini.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abidin, N. Z., Saad, M. F. M., & Ahmad, M. N. (2017). Tahap Pengetahuan Pelajar di Madrasah Al-Musthafawiyah Littahfizil Quran Bangi Terhadap *Tadabbur Al-Quran*. *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah*, 2(1), 47-53.

Abdullah, M., Abdullah, A. H., Rosman, A. S., & Ilias, M. F. (2015). Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. In *Seminar International Conference on Education and Social Entrepreneurship*.

Al-‘Ayed.A, Umar A.M, Yahya. J, Abduh. D, Jawwad S., & Nadim. (1999) *Al’Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī*, Egypt- Lidurūs.

Al-Daḥāk. (1999). *Tafsīr al-Daḥāk*. Ditaḥqīq oleh Muhammad Syukri Ahmad. Kaherah: Dār al-Salām.

Al-Nasafī. (2005). *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqāiq al-Ta’wīl (Tafsir al-Nasafī)*. Beirut: Dar al-Nafāis.

- Al-Rāzi, F. (1981). *Al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīh al-Ghaib*. Beirut: *Dar al-Fikr*.
- Al-Sabt U.K. (1437). *Khulasah fi Tadabbur al-Quran*. Riyadh: *Muassasah ilm wa al-Ta'sil*.
- Al-Syanqīfī. (2005). *Tafsīr al-Quran bi al-Quran min Aḍwā' al-Bayān*. Saudi Arabia. *Dār al-Faḍīlah*.
- Al-Suyūfī. (2007). *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān*. Ditaḥqīq oleh Syu'aib al-Arnaūth. Beirut: *Muassasah al-Risālah*.
- Al-Syaukānī. M.A. (2007). *Fath al-Qadīr al-Jāmi' baina Fannī al-Riwāyah wa al-Dirāyah mi 'Ilm al-Tafsīr*. Beirut: *Dar al-Ma'rifah*.
- Al-Qurṭubī, M.A. (2006) *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*. Ditaḥqīq oleh Abdullah Bin Abdul Muḥsin. Beirut: *Muassasah al-Risālah*.
- Al-Tuwaijiri, A.L., (1436). *Tadabbur al-Quran al-Karim*. Riyadh: Maktabah Dar al-Minhaj.
- Borg, W.R., & Gall (1979), *Educational Research; An Introduction*. (3rd ed) New York: Longman.
- Cohen, L., & Holliday, M. (1982). *Statistics for social scientists*. London: Harper & Row.
- Chua, Y. P. (2009). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan buku 1* (edisi ke-2). McGraw-Hill Education.
- Hashim, A., Ani, N. I., & Rahim, M. M. A. (2018). Strategi Pengajaran Tafsir Al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 10(2), 1-9.
- Ibnu Faris A. (1979), *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*, t.tp., *Dār al-Fikr*.
- Ibnu Hazm. (1987). *Rasāil Ibnu Hazm al-Andalusī*. Ditaḥqīq oleh Ihsan Abbās. Beirut. *Al-Muassasah al-'Arabiyyah li al-Dirāsāt wa al-Nasyr*.
- Ibnu Qayyim al-Jauziyyah. (1996). *Miftāh Dar al-Sa'ādah wa Mansyūrah Wilāyah Ahl al-'Ilmi wa al-Irādah*. Saudi Arabiya, *Dar Ibnu 'Affān*.
- Jabir al-'Ulwānī, R.T. (2008), *Tadabbur al-Quran al-Karīm bain al-Nazariah wa al-Taṭbīq*. T.tp. t.pt.
- Mokti, S. A., & Sahad, M. N. (2024). Persepsi, Tahap Pengetahuan Dan Aplikasi *Tadabbur Al-Quran*: Satu Kajian Dalam Kalangan Pelajar Aliran Tahfiz. *International Journal of Modern Education*, 6 (21), 598-610.
- Muqātil Bīn Sulaiman. (2002). *Tafsīr Muqātil Bīn Sulaiman*. Ditaḥqīq oleh Abdullah Maḥmūd Syuḥātah. Lubnan: *Muassasah al-Tārīkh al-'Arabī*.
- Zain al-Mutayri, A.M. (2016). *Mabadi' Tadabbur al-Quran al-Karim*. Riyadh: *Dar al-Hadarah li al-Nasyr wa al-Tawzi'*.
- Zakaria, R., Mohd Haridi, N., Yahaya, M., Pangilun, S. and Husin, H., 2019. Penerapan Elemen *Tadabbur Al-Quran Di Kalangan Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS)*. *5 th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019 ||*, [online] pp.440-450. Available

at: <<https://docplayer.info/174044995-Penerapan-elemen-tadabbur-al-quran-di-kalangan-pelajar-maad-integrasi-tahfiz-selangor-mits.html>> [Accessed 9 December 2020].

Sakinah Binti Abdul Mokti (Corresponding author)
Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,
E-mail: sakinah@usas.edu.my

Siti Arbaiyah Binti Mohd Saron
Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,
E-mail: arbaiyah@usas.edu.my

Mohd Fuad Bin Mokhtar
Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,
E-mail: fuad@usas.edu.my

Nur Ahmad Wafiy Bin Noor Azri
Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,
E-mail: ahmadwafiy@usas.edu.my

Siti Nurleha Binti Safie
Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,
Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,
E-mail: sitinurleha@usas.edu.my

NoorHaslinda Binti Zainal Abidin
Jabatan Pengurusan, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat,
Universiti Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak,
E-mail: noorhaslinda@usas.edu.my